

TARIKH: 7/7/23  
SURAT KHABAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 9

## Kos dialisis pencarum Perkeso lebih RM500 juta pada 2033

**KLANG** – Kos rawatan dialisis bagi Orang Berinsurans (OB) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dijangka berjumlah lebih RM500 juta dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, pihaknya menerima sebanyak 2,000 hingga 3,000 permohonan baharu setiap tahun bagi rawatan dialisis terutama di Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati perkhidmatan rawatan dialisis Perkeso yang dimulakan pada 1999 dengan kos RM1.12 juta meningkat kepada RM334.67

juta pada tahun lalu. Lima bulan pertama tahun ini, kosnya pula adalah RM145.3 juta.

“Apabila berlaku pertambahan, ia beri kesan kepada Perkeso kerana sebahagian pesakit buah pinggang adalah pekerja.

“Kesan ini bukan sahaja menyebabkan OB tidak dapat bekerja, malah keluarga hilang punca rezeki, seterusnya negara hilang aset yang menyumbang kepada produktiviti dan perkembangan ekonomi,” katanya selepas merasmikan pejabat Perkeso dan Pusat Dialisis Perkeso cawangan Klang, di sini semalam.

Jelasnya, pihaknya akan mem-

buka lebih banyak pusat dialisis di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Pahang dan Terengganu.

Pusat dialisis itu bukan diwujudkan untuk bersaing dengan pusat dialisis lain, sebaliknya bagi mengukuhkan kemampuhan Perkeso dalam mengurangkan dana keselamatan sosial.

“Kos dialisis sebulan bagi OB adalah RM2,000.

“Kita akan tetap meneruskan rawatan dialisis kepada OB ini di 700 panel yang mana sebahagiannya diuruskan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta,” kata beliau.



**SIVAKUMAR** bergambar bersama penerima bantuan caruman Perkeso pada Majlis Perasmian Pejabat Perkeso Klang dan Pusat Dialisis Perkeso Cawangan Klang di Bukit Tinggi, Klang semalam. – AFIQ RAZALI